

## **Lawatan Mongolia**

12 Oktober 2008 – 22 Oktober 2008

Seramai 10 orang pegawai audit daripada *Mongolian National Audit Office* telah mengikuti latihan dalam bidang *Performance Auditing* di Akademi Audit Negara, Bandar Enstek, Nilai. Mereka tiba pada 12 Oktober 2008 dan pulang pada 22 Oktober 2008. Dalam tempoh latihan tersebut mereka didedahkan dengan prinsip-prinsip asas, konsep dan metodologi pengauditan prestasi yang diamalkan di Jabatan Audit Audit Negara. Bahan-bahan latihan yang disampaikan kepada mereka adalah berdasarkan kepada Garispanduan Pengauditan Prestasi Jabatan Audit Negara dan juga bahan-bahan kursus yang digunakan oleh ASOSAI. Ceramah telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Akademi selain daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan Audit Negara sendiri.

Di samping mengikuti latihan mereka juga telah dibawa melawat sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Seremban. Pada 16 Oktober 2008 mereka telah diraikan oleh Ketua Audit Negara dalam satu jamuan petang di Ibu Pejabat Audit, Putrajaya.

Adalah diharapkan latihan yang disampaikan dapat membantu mereka dalam meningkatkan lagi keupayaan melaksanakan pengauditan prestasi di Institusi Audit mereka kelak. Selain itu lawatan ini juga akan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Jabatan Audit Negara dengan *Mongolian National Audit Office*.





